







EKONOMI

# TDM Bangkit, Rekod PBT RM9.6 Juta Bagi 2020

Nur 'Afini Yahaya | 28 Jun 21 08:05 PTG | 259



KUALA TERENGGANU, 28 Jun - Kumpulan TDM Berhad kembali mencatatkan keuntungan berikutan peningkatan keputusan kewangan bagi 12 bulan yang berakhir pada 31 Disember 2020 (FY2020).

TDM telah merekodkan Hasil sebanyak RM442.9 juta, iaitu peningkatan 4.2 peratus berbanding RM425.1 juta yang dicatatkan pada FY2019 yang menyumbang kepada Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) berjumlah RM9.6 juta.

Pencapaian tersebut sekali gus membawa perubahan kepada status kerugian (PBT) yang telah direkodkan pada FY2019 (-RM40.4 juta), FY2018 (-RM37.6 juta), dan FY2017 (-RM96.8 juta).

Pengarah Eksekutif TDM, Haji Najman Kamaruddin berkata, tahun 2020 dibentuk oleh pandemik COVID-19.

"Kesan ketidakpastian terhadap landskap ekonomi mempengaruhi operasi di kedua-dua bahagian perladangan dan penjagaan kesihatan.

"Meskipun melalui tahun yang mencabar, TDM menunjukkan daya saing dan kemampuan beradaptasi melalui rancangan perniagaan yang strategik.

"Bagi memastikan kesinambungan perniagaan, seterusnya menyumbang kepada anjakan paradigma dalam prestasi kewangannya dan kembali memacu kepada pertumbuhan positif syarikat," katanya dalam satu kenyataan, selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-56, baru-baru ini.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan oleh Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif, Haji Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun, di mana lapan resolusi telah diluluskan oleh semua pemegang saham yang hadir.

Pada AGM ke-56 tersebut, TDM mengumumkan pencapaian dan prestasinya bagi tahun 2020, setelah berjaya menukar trend penurunan yang memberi kesan kepada tiga tahun sebelumnya, menempatkan syarikat pada tahap yang kukuh bagi memanfaatkan prospek pasca pandemik.

Mengulas lanjut, menurut Najman, peningkatan Hasil TDM disumbangkan oleh bahagian perladangan menerusi harga Minyak Sawit Mentah (CPO) dan Isirong Sawit (PK) yang lebih tinggi serta gangguan pengeluaran disebabkan oleh wabak pandemik yang minima.

"Secara keseluruhan, Kumpulan telah merekodkan pencapaian EBITDA diselaraskan berjumlah RM96.4 juta, peningkatan sebanyak 51% berbanding RM63.6 juta pada tahun sebelumnya.

“Dengan komitmen berterusan daripada pasukan perladangan dan penjagaan kesihatan sepanjang tahun lalu, TDM sekali lagi berjaya menunjukkan keupayaan dan kemampuannya dalam mencapai penganugerahan serta prestasi memberangsangkan.

"Sekali gus membuktikan keberkesanan strategi pertumbuhannya dalam mengendalikan operasi sepanjang tempoh pandemik," jelasnya.

## Berita Terkini


PEMULIH : 11 Juta Bakal Nikmati 'One-Off' COVID-19 Ogos Ini


PEMULIH : RM500 Untuk Pekerja Hilang Pendapatan


OP PATUH Secara Besar-Besaran Bermula Khamis


Fuhh...Macam Rumah Kampung Betul


PEMULIH : Berita Baik Buat Pengusaha Kantin, Sukan, Taska Dan OKU

## PALING POPULAR

1 Sekatan Jalan Raya Dikuatkuasakan Di Seluruh Terengganu

2 Gadis Terengganu Dinobat Pelajar Ketujuh Terbaik Dunia

3 'Ingatkan Panas Hingga Ke Petang, Rupanya...' - Rintih Dr Nor Azimi

4 PKPB: Lima Sekatan Jalan Raya Di Terengganu

5 SJR Di Terengganu Diperketatkan Mulai Tengah Malam Sabtu

Untuk rekod, TDM telah kembali tersenarai sebagai sekuriti Patuh Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) berkuatkuasa 27 November 2020, menjadikannya sebagai salah satu daripada 715 saham patuh
Syariah di Bursa Malaysia, bersama 34 syarikat perladangan yang lain.

Pada bulan yang sama, TDM juga disenaraikan dalam Indeks Perladangan Kelapa Sawit FTSE Bursa Malaysia sebagai salah satu daripada tujuh pemain industri perladangan dan antara lima konstituen teratas dengan penarafan tiga daripada lima bintang.

Syarikat juga memperoleh penarafan tiga bintang (daripada empat bintang) bagi aspek Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) dibawah FTSE Bursa Malaysia (FBM), meletakkannya pada kategori kedua tertinggi (26 hingga 50 peratus teratas) di antara syarikat tersenarai awam di FBM EMAS yang dinilai oleh FTSE Russell.

Tag:

## Artikel Berkaitan



PEMULIH : Berita Baik Buat Pengusaha Kantin, Sukan, Taska Dan OKU

28 Jun 2021



Usahawan Kecil Diberi Moratorium Pinjaman, Sewa Premis 2 Bulan

17 Jun 2021



Terengganu Kecualikan Sewa Penghuni Rumah Desa Keluarga

08 Jun 2021

KETENGAH

PKP 3.0 : KETENGAH Peruntuk Hampir RM1 Juta Bantu Masyarakat Luar Bandar, Para Usahawan

07 Jun 2021





**Don't miss out on the Latest News**

We won't spam you and we respect your privacy.

Your Email SUBSCRIBE

**TRDI on Youtube**

Subscribe to our Youtube channel for all latest in-depth, on the ground reporting from around the world.

SUBSCRIBE

**TRDI on Facebook**

LIKE

FOLLOW

FOLLOW

TRDI.my

Copyright © 2020 TRDI
Powered by **Mysoftcare**

**TRDI**

Youtube
Facebook UPDI
Instagram TVDI

**KORPORAT**

Hubungi Kami

**APLIKASI TRDI NEWS**

ANDROID APP ON Google play

Download on the App Store

**DASAR KESELAMATAN**

Syarat dan Penafian
Polisi dan Peribadi
Polisi Cookie